

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

SOALAN No. 4

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kemasukan Dana Pelaburan Asing (FDI) sejak PRU14 dan berapa pula yang menarik balik pelaburan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi tempoh satu (1) tahun sebelum Pilihanraya Umum ke-14 Malaysia, iaitu dari bulan Jun 2017 hingga Mei 2018, jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam **Sektor Perkilangan** adalah sebanyak RM26.01 bilion.

Manakala jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor yang sama selepas Pilihanraya Umum ke-14 dari tempoh Jun 2018 hingga Jun 2019 adalah sebanyak RM70.1 bilion. Ini adalah peningkatan sebanyak 169.4%.

2. Bagi **Sektor Perkhidmatan**, statistik pelaburan direkodkan mengikut setiap suku tahun. Untuk itu, jumlah pelaburan asing dari Sektor Perkhidmatan yang diluluskan dari Julai 2018 sehingga Jun 2019 ialah sebanyak RM32.65 bilion. Jumlah ini meningkat sebanyak 21% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, iaitu dari Julai 2017 sehingga Jun 2018, di mana jumlah pelaburan asing yang diluluskan ialah sebanyak RM 26.97 bilion.

SOALAN NO : 78

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Bagi tempoh Jun 2018 hingga Jun 2019, sebanyak 24 buah syarikat perkilangan telah menutup operasi mereka di Malaysia. Penutupan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti keputusan syarikat menukar lokasi perkilangan, perubahan dalam pegangan ekuiti, penggabungan operasi syarikat di peringkat antarabangsa, penstrukturran semula syarikat serta sebagai tindak balas kepada perkembangan ekonomi global.
4. Penutupan syarikat perkilangan ini tidak memberi kesan ketara ke atas ekonomi memandangkan pekerja-pekerja ini diserapkan ke dalam syarikat-syarikat baharu dan sedia wujud yang menjalankan aktiviti pembesaran atau pelaburan semula.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Kerajaan sentiasa komited dan berterusan berusaha menambah baik dasar dan strategi bagi memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing. Kedudukan Malaysia yang strategik dan persekitaran perniagaan yang kondusif mengukuhkan lagi kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelabur yang kompetitif serta berdaya saing tinggi.

Sekian, terima kasih.